

Angkasa kerjasama ternak biri-biri

TEMERLOH – Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia (Angkasa) akan bekerjasama dengan Biovet International Sdn. Bhd. (Biovet) sebagai rakan kongsi strategik dalam industri ternakan biri-biri di negara ini.

Presiden Angkasa, Datuk Seri Abdul-Fattah Abdullah berkata, langkah itu signifikan memandangkan permintaan daging kambing segar terlalu tinggi sedangkan negara masih bergantung kepada sumber import produk makanan yang mencecah sehingga RM55.5 bilion.

"Pada peringkat awal, tiga buah koperasi akan bersama Biovet dalam usaha menambah produk ini di pasaran sekali gus membantu kerajaan kurangkan kos import produk ternakan.

"Ini salah satu usaha bagi tingkatkan pengeluaran produk tempatan dan kurangkan bekalan import," katanya pada Majlis Penyerahan Ternakan Biovet di Ibu Pejabat Biovet, Kampung Baru Kuala Tekal di sini semalam.

Menurut Fattah, koperasi yang



ABDUL FATTAH (kanan) bersama Syed Naufal (dua dari kanan) melihat kambing biri-biri yang ditenak oleh Biovet di Kampung Baru Kuala Tekal, Temerloh semalam.

terlibat ialah Koperasi Bimbingan Ihsan Temerloh Berhad, Koperasi Guru-Guru Lepas Maktab Temerloh Berhad dan Koperasi Keluarga Haji Moha Ilyas.

Ujar beliau, ia adalah projek pertama Angkasa bersama Bio-

vet dan pihaknya akan terus meneliti serta mengkaji cadangan sebagai rakan kongsi strategik untuk projek ternakan lain.

Ujarnya, projek ini bakal membuka ruang perniagaan kepada prospek yang lebih besar.